




Datuk A. Kadir Jasin

Tokoh Wartawan Negara 2011.

Kefahaman terhadap Alam Sekitar



Malaysia merupakan antara negara terkaya dengan flora (tumbuh-tumbuhan) dan fauna (haiwan). Dianggarkan terdapat lebih daripada 15 000 spesies tumbuh-tumbuhan vaskular, 361 spesies mamalia, 694 burung dan 250 reptilia. Kira-kira 8200 daripadanya boleh ditemukan di Semenanjung Malaysia, manakala Sabah dan Sarawak pula lebih kaya dengan sekitar 12 000 spesies.

Dengan khazanah yang dimiliki, Malaysia menjadi negara ke-14 di dunia yang mempunyai paling banyak jenis tumbuhan vaskular. Spesies tumbuhan dan haiwan yang banyak turut mengklasifikasikan Malaysia sebagai negara kepelbagaian mega (*megadiverse country*).

Namun begitu, kepelbagaian ini tidaklah statik atau selamat. Ada spesies tumbuhan dan haiwan yang semakin membiak dan ada pula yang semakin berkurangan, malah dalam kategori bahaya dan pupus.

Sepanjang pengalaman penulis sebagai pemerhati dan pencinta alam sekitar, didapati bahawa spesies tumbuhan dan haiwan kian pulih daripada ancaman kepupusan dan ada juga spesies yang tidak lagi kelihatan dalam persekitaran kehidupan.

Dari aspek lain, hakikatnya pembiakan dan kepupusan tersebut berlaku disebabkan oleh tindakan manusia. Sedar atau tidak,



sengaja atau kebetulan, manusia adalah sebahagian punca kemerosotan mutu dan kepelbagaian alam. Misalnya, pada tahun 1950-an dan 1960-an ketika zaman kanak-kanak dan remaja penulis di Kedah, bilangan sesetengah spesies haiwan merosot kerana diburu menggunakan senapan patah.

Pada waktu itu, orang kampung memiliki senapan patah kerana mereka menganggotai "Home Guard", iaitu pasukan pertahanan kampung yang diasaskan oleh penjajah Inggeris dalam rangka memerangi penganas Parti Komunis Malaya. Hal ini disusuli oleh pembukaan tanah, khususnya paya untuk dijadikan sawah apabila Rancangan Perairan Muda mula beroperasi pada awal tahun 1970-an.

Penulis telah menceritakan situasi pada sedekad yang lalu selepas pelaksanaan menanam padi dua kali setahun, alam sekitar rosak teruk akibat kaedah baharu bertani, khususnya penggunaan jentera bermotor, baja kimia dan racun. Antara perkara yang paling ketara dilihat ialah kemerosotan pembiakan ikan dan burung akibat racun dan kemerosotan kualiti air. Apabila populasi ikan dan burung jatuh, populasi

musuh padi seperti siput, belalang, tikus dan bena perang meledak. Hanya selepas kawalan dikenakan pada penggunaan racun rumpai dan serangga, barulah populasi burung dan ikan pulih, namun keadaan ini tidaklah seperti asal. Kehadiran burung dan ikan dapat membantu mengurangkan musuh padi.

Demikianlah halusnya perimbangan manusia dengan alam sekitar dan makhluk yang menghuninya. Oleh sebab itulah kesedaran dan kecintaan alam sekitar wajib disemai sejak usia muda. Penulis berpendapat, manusia atau haiwan juga melakukan penghijrahan dan penyesuaian dengan persekitaran.

Hari ini banyak haiwan belukar dan paya seperti tupai, monyet, burung, memerang, biawak dan ular lebih kerap ditemukan di bandar berbanding dengan kawasan luar bandar. Hal ini dikatakan demikian kerana bandar lebih selamat dan banyak makanan.

Baru-baru ini, media massa melaporkan kelibat buaya di beberapa batang sungai dan pantai di Semenanjung Malaysia setelah sekian lama pupus.

Haiwan ini mungkin dilepaskan oleh orang yang tidak bertanggungjawab atau terlepas daripada ladang ternakan buaya. Malangnya, kita bukanlah negara yang terlalu mengambil berat terhadap introduksi haram haiwan asing, seperti ikan arapaima, piranha dan keli Afrika yang mula mengancam spesies ikan tempatan. Demikian juga dengan tumbuhan luar yang semakin banyak dibawa masuk untuk tujuan komersial dan hiasan.

Oleh sebab orang ramai tidak tahu atau tidak peduli, maka pihak berkuasa pun tidak terlalu mengambil berat terhadap ancaman spesies luar ini terhadap keaslian dan survival flora dan fauna setempat. Pada hakikatnya, hal ini sangat berbahaya dan mengancam khazanah negara. □